

**Ucapan oleh Leonid Brezhnev  
di Majlis Jamuan Makan Malam  
diberikan untuk menghormatinya  
oleh Presiden Nixon  
18 Jun, 1973**

Tetamu yang dihormat Tuan Presiden,  
Tetamu yang dihormat Tuan Nixon,  
Tuan-tuan dan Puan-puan,

Pertama benarkan saya mengucapkan terimakasih kepada Tuan Presiden kerana undangan bagi saya melawat negara ini serta ucapan manis yang telah tuan lafaskan di sini dan memberi layanan mesra kepada kami semasa berada di bumi Amerika Syarikat.

Saya ingin menggunakan majlis ini bagi menyatakan kebanggaan yang tidak terhingga kerana mendapat peluang meneruskan rundingan-rundingan dengan Tuan bagi memperbaiki hubungan antara Soviet-Amerika, yang permulaannya telah diadakan di Moscow pada bulan Mei tahun lalu.

Saya fikir masa sudah berlalu selepas perjumpaan kita di Moscow telah membuktikan dengan memuaskan usaha yang kita ambil bersama untuk memperbaiki hubungan antara USSR dengan AS ke arah membina semula perhubungan tersebut sejajar dengan prinsip-prinsip hidup bersama dengan aman, seperti yang terkandung dalam dokumen yang ditandatangani oleh kita setahun lalu. Saya rasa tuan akan bersetuju, Tuan Presiden, bahawa kita adalah di jalan yang betul, bagi memenuhi kepentingan bersama rakyat kedua

negara dan semua umat manusia.

Apa yang telah dilakukan dan apa yang sedang dilakukan untuk mengamalkan prinsip-prinsip yang dipersetujui di Moscow berkenaan dengan perhubungan antara kedua negara adalah penting. Kehidupan adalah guru kita yang paling baik sekali.

Hasil usaha kita tahun lalu memandu kita ke arah mana kita perlu menuju. Mereka menggalakkan kita mencapai hasil besar dalam rundingan sekarang untuk mengujudkan kestabilan hubungan Soviet-Amerika serta menambahkan sumbangan bagi keamanan antarabangsa.

Benar membina semula hubungan Soviet-Amerika bukanlah satu tugas yang mudah. Ini ialah bukan kerana USSR dan AS mempunyai sistem sosial yang berlainan tetapi juga mengatasi peperangan dingin dan juga garis-garis politik antarabangsa dan pandangan antarabangsa.

Tetapi dalam kemajuan umat manusia adalah memerlukan fikiran-fikiran yang tegas dan membina. Saya percaya jika bergerak lebih gigih ke arah kepentingan kemajuan hubungan Soviet-Amerika lebih nyata akan memberi faedah yang lebih besar bagi rakyat kedua negara dan lebih cepat penyokong kemajuan seperti itu akan bertambah. Golongan itu sebagai yang kita ketahui telah pun memberi sumbangan besar. Sebab itu kami lebih berminat untuk membina hubungan antara Soviet dengan Amerika secara wajar mengikut asas jangka panjang.

Kami datang ke sini dengan hasrat tugas-bersama dengan pihak Amerika untuk memberi semangat baru bagi kemajuan hubungan Soviet-Amerika. Ini mematuhi sepenuhnya Rancangan Keamanan yang telah diluluskan oleh Kongres Parti kami yang ke 24.

Dalam usul di Kongres itu, perkara utama yang dibangkitkan ialah kesanggupan untuk memperbaiki hubungan dengan Amerika Syarikat. Ini adalah dengan kepercayaan bagi kepentingan rakyat Soviet dan Amerika serta kepentingan keamanan antarabangsa.

Saya harap supaya rakan kami Amerika akan menyedari sepenuhnya dalam rundingan-rundingan diadakan bahawa keputusan forum parti kami — parti yang memerintah Soviet

Union — adalah merupakan prinsip tegas Soviet, seluruh rakyat kami atas dasar hubungan dengan Amerika. Ini adalah soal untuk menentukan dasar yang kami akan ambil.

Dalam rundingan saya dengan Presiden hari ini, saya telah berbicara mengenai perasaan rakyat kami yang telah menyokong keputusan yang kami ambil dalam rundingan kita tahun lalu. Tuan Presiden, rakyat dunia mengharapkan sesuatu dari rundingan hari ini. Dan saya percaya adalah tugas kita memenuhi harapan-harapan itu. Rundingan pertama yang kita adakan di White House mengesahkan kehendak rakyat kedua negara. Dalam soal ini, saya ingin menyatakan harapan rundingan kita ini akan memainkan peranan penting untuk mengukuhkan hubungan bagi kerjasama antara kedua negara bagi memperbaiki suasana antarabangsa seluruhnya.

Dan di sini ada lagi satu perkara. Adalah diketahui bahawa usaha memperbaiki hubungan Soviet-Amerika yang telah dimulakan mula menarik minat seluruh dunia. Kebanyakan pendapat mengenai perkara ini membayangkan rakyat dan kerajaan-kerajaan lain negara mengalu-ngalukannya. Mereka menganggap itu merupakan satu faktor untuk memperbaiki keadaan antarabangsa dan ia adalah sumbangan besar Soviet dan Amerika bagi mengukuhkan keamanan dunia.

Kepada semua yang menyedari walaupun sedikit tentang kejadian yang sebenarnya di atas perhubungan Soviet-Amerika itu ternyata sekali bahawa kebaikan perhubungan Soviet-Amerika itu tidak akan menjejaskan kepentingan negara ketiga.

Kemajuan hubungan antara USSR dengan Amerika Syarikat akan dan sedang mempengaruhi soal-soal antarabangsa. Bagaimanapun pengaruh ini adalah satu perkara yang dapat mengukuhkan keamanan, keselamatan dan kerjasama antarabangsa.

Dalam membina melalui usaha bersama serta hubungan keamanan yang membangun, kita tidak berniat untuk menjadikannya sebagai pihak yang terasing dan terkongkong dari dunia luar. Kami mahu usaha ini untuk faedah keamanan umat manusia.

Tuan Presiden, amalan politik sekarang menunjukkan betapa sukar pada masa-masa tertentu keadaan yang me-

libatkan pelaksanaan dasar luar. Tetapi apabila harapan kita bertujuan mencapai keamanan, tugas ini adalah tidak berat bagi mengukuhkan tenaga dan keyakinan.

Pada permulaan rundingan-rundingan kita, apa yang saya maksudkan kandungan dan keadaan yang sedang berlaku, memberi harapan ia bakal mengeluarkan hasil baik serta menjadi batu sempadan hubungan Soviet-Amerika.

Marilah kita minum ucap selamat kepada Presiden Amerika Syarikat, Richard Nixon dan Puan Nixon.

Kepada anggota-anggota kerajaan Amerika yang hadir di sini dan kepada semua di Amerika yang menyokong usaha mulia ini bagi keamanan dunia!